



UTM
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

FACULTY OF SOCIAL SCIENCES
AND
HUMANITIES

UHMS 1182 (PENGHAYATAN ETIKA DAN PERADABAN)

SEMESTER 1, 2020/2021

SEKSYEN 32 KUMPULAN 3

TAJUK : ETIKA PENCEMARAN AIR

AHLI KUMPULAN :

NAMA	NO. MATRIK
1. AHMAD FARUQ BIN AZLAN	A20EC0005
2. AIMAN NA'IM BIN ARIFFIN	A20EC0008
3. CHEAH YAU KHIN	A20EC0185
4. EUNICE LIM XIAN NI	A20EC0034
5. LAI CHEE YEE	A20EC0199
6. LAI KIN YONG	A20EC0059
7. IESKANDAR ZULQARNAIN BIN GHAZALI	A20EC0046

DISERAHKAN KEPADA:

DR. HASHIM FAUZY BIN YAACOB

ISI KANDUNGAN

ISI KANDUNGAN	HALAMAN
1.0 PENGENALAN	4
2.0 PERSOALAN KAJIAN	5
3.0 OBJEKTIF KAJIAN	6
4.0 KEPENTINGAN KAJIAN	7-8
5.0 KAJIAN LEPAS	9-10
6.0 METODOLOGI KAJIAN	11
7.0 DAPATAN KAJIAN & PERBINCANGAN	12-17
8.0 RUJUKAN	18

Google survey form bagi pencemaran air.

https://docs.google.com/spreadsheets/d/1_VSAM7x6TPXB4zoXKGKdtha6PUO4Axk2wAx5F7eMwOI/edit#gid=1540752208

1.0 PENGENALAN

Pada era dasarwarsa ini, pencemaran air di Malaysia agak kritikal. Pada kebelakangan ini, negara-negara di seluruh dunia telah mengimplementasikan polisi penyekatan pergerakan demi mengawal perebakan penyakit COVID-19. Kebanyakan kegiatan telah dihentikan dan secara langsungnya, alam sekitar akhirnya mendapat peluang untuk sembuh daripada pencemaran yang disebabkan oleh manusia selama ini. Walau bagaimanapun, pencemaran air tidak kelihatan berkurang seperti pencemaran udara. Sebaliknya, pencemaran air bertambah buruk dengan salah satu contoh iaitu pelupusan topeng muka secara sesuka hati yang kerap berlaku.

Demi mengkaji dan memahami keadaan benar mengenai pencemaran air di Malaysia, kumpulan kami telah memilih tajuk tersebut. Kajian tentang tajuk tersebut amat penting demi melestarikan sumber air sumber yang memang diperlukan untuk kehidupan kita. Memandangkan bahawa hanya wujud 0.3 peratusan sumber air yang boleh diminum oleh manusia, kajian ini sangat penting untuk mengajar rakyat Malaysia tentang etika menggunakan air secara berhemah. Pada kebelakangan ini, kehidupan rakyat Malaysia terutama sesiapa yang berada di negeri Selangor telah ditimpa kesusahan disebabkan kejadian gangguan air yang kerap berlaku disebabkan oleh pencemaran air (Hairul, 2020). Dalam kertas kerja ini, ia akan menceritakan tentang latar belakang pencemaran air di Malaysia, di mana akan menceritakan tentang sejarah berlakunya pencemaran air yakni punca pencemaran air tersebut. Seterusnya, ia akan menceritakan tentang kesan pencemaran air di Malaysia seperti kepada haiwan, tumbuhan dan juga lebih-lebih lagi kepada manusia. Seterusnya, ia akan menumpu kepada cabaran dalam mengatasi pencemaran air di Malaysia yakni keseimbangan antara perkembangan industri dan kelestarian sumber air dan juga kelonggaran dalam penguatkuasaan undang-undang mengenai pencemaran air dan inisiatif dalam mengatasi pencemaran air di Malaysia.

2.0 PERSOALAN KAJIAN

Kajian ini bertujuan untuk menjawab persoalan berikut:

- i. Apakah faktor dan kesan masyarakat yang tidak beretika kepada pencemaran air yang kini berlaku di Malaysia?
- ii. Adakah mempunyai hubungan rapat antara etika yang dimiliki oleh pengusaha kilang dengan kualiti sumber air di Malaysia?
- iii. Apakah langkah-langkah yang boleh diambil supaya rakyat Malaysia dapat disedarkan tentang kepentingan etika kepada kelestarian sumber air kita?

3.0 OBJEKTIF KAJIAN

Terdapat beberapa matlamat kajian yang ingin dicapai semasa melaksanakan projek ini. Objektif kajian yang pertama ialah kami ingin mengkaji punca serta impak pencemaran air yang berlaku di Malaysia akibat masyarakat yang tidak beretika. Hal ini adalah disebabkan isu pencemaran air menjadi topik hangat-hangat tahi ayam dan kami ingin mencari jawapan sama ada etika memang ada berkaitan dengan isu pencemaran air yang kini berlaku di tanah air kita.

Objektif kajian yang kedua ialah kami ingin mengenal pasti hubungan antara etika yang dimiliki oleh pengusaha kilang dengan kualiti sumber air di Malaysia. Hal ini kerana banyak isu pencemaran terhadap sumber air kita sering berlaku akibat keruntuhan etika pengusaha kilang.

Seterusnya, objektif kajian yang ketiga ialah kami ingin mencari pendekatan yang efektif untuk mengatasi krisis air yang kini berlaku di Malaysia dengan usaha menyedarkan rakyat Malaysia tentang kepentingan etika kepada kelestarian sumber air kita.

4.0 KEPENTINGAN KAJIAN

Berdasarkan tajuk kajian yang kami pilih untuk dilakukan kajian ini adalah hubungan etika dengan salah satu elemen alam sekitar iaitu sumber air. Etika seseorang individu atau masyarakat adalah berkait rapat dengan penjagaan alam sekitar. Secara lebih lanjutnya, fenomena pencemaran hanya akan berlaku jika sesebuah masyarakat yang tidak beretika mengotorkan sumber air tersebut. Dalam konteks ini, kajian ini bernilai untuk dijalankan kerana ianya dapat membuatkan masyarakat sedar malah berjaga-jaga akan kepentingan sumber air kepada manusia. Dengan ini, kajian ini dapat memupuk sifat kecintaan terhadap alam sekitar dalam sanubari masyarakat Malaysia.

Di samping itu, kajian ini penting kerana ianya dapat memupuk nilai etika dan perikemanusiaan dengan alam sekitar yang lain dengan lebih mendalam. Hal ini demikian kerana dapat membuatkan sesuatu individu, masyarakat, malah negara dipandang tinggi serta dihormati kerana mempunyai etika dan sifat perikemanusiaan yang tinggi. Namun demikian, untuk memupuk sifat perikemanusiaan dan etika dengan alam sekitar, seseorang individu atau masyarakat mestilah mempunyai sedikit sebanyak pengetahuan atau kesedaran dalam ilmu alam sekitar berdasarkan model awal tingkah laku pro-alam sekitar (Kollmuss & Agyeman 2002). Dalam model ini menyatakan bahawa hubungan linear pengetahuan atau ilmu alam sekitar dengan sikap serta tingkah laku seseorang individu atau masyarakat terhadap alam sekitar. Hal ini dapat memberi sedikit sebanyak ilmu dan pengetahuan tentang alam sekitar dan akan menambahkan kesedaran seterusnya dapat melahirkan seseorang individu dan masyarakat yang beretika.

Tambahan pula, kami menjalankan kajian ini adalah kerana ingin mendedahkan bahawa etika adalah sangat berkait rapat dengan alam sekitar dan alam sekitar terutamanya sumber air yang semula jadi amat penting kepada manusia kerana ianya membekalkan air kepada manusia untuk diminum serta bagi kegunaan domestik. Tidak heranlah dunia sekarang adalah dunia teknologi dan elektronik, ramai manusia yang kurang endah akan alam sekitar macam mana

untuk menjaganya dan menambah baik. Dalam konteks ini, para pengurus industri berpusu-pusu untuk mencipta produk yang baharu dan menyebabkan alam sekitar tercemar dengan cara melepaskan sisa toksik ke dalam sungai. Hal ini menunjukkan bahawa, etika pengurus industri yang tidak mengambil berat tentang alam sekitar, flora dan fauna, habitat sesuatu haiwan.

Berdasarkan kajian ini, ia dapat meluaskan pengetahuan kami tentang topik yang kami kaji dengan cara kami mencari sumber dari sumber yang boleh dipercayai seperti Google Scholar, Web of Science, Scopus, ResearchGate, dan UTM Library. Bukan itu sahaja, ianya dapat meluaskan ilmu pengetahuan kami tentang alam sekitar termasuk kelestarian kualiti sumber air dengan lebih mendalam malah dapat memberikan kesedaran kepada kami supaya menjaga alam sekitar dengan sempurna. Dalam konteks ini, kajian ini hendaklah dijalankan dengan sebaik mungkin dan menyeluruh supaya dapat memberi manfaat kepada kami dan orang lain.

Pendek kata, kajian ini dapat meninjau sejauh mana etika berkait rapat dengan pengurusan sumber air oleh semua pihak dengan metod pemilihan sampel dan pembentukan soal selidik.

5.0 KAJIAN LEPAS

Pada tahun-tahun sebelum ini, terdapat banyak kajian yang berkaitan dengan masalah alam sekitar yang berpunca daripada tingkah laku atau etika manusia yang tidak bertanggungjawab terhadap alam sekitar. Kajian kami untuk laporan ini memfokuskan kepada kajian-kajian tentang pencemaran air yang berlaku di Malaysia. Menurut kajian dari Berita Harian Online, Selangor telah menghadapi masalah pencemaran air sebanyak 9 kali sepanjang tahun 2020. Beberapa punca pencemaran itu berlaku adalah daripada bengkel jentera berat, kilang bahan binaan, kolam ternakan ikan dan tumpahan minyak diesel. Hal ini menunjukkan bahawa nilai etika manusia terhadap alam sekitar masa kini sangat rendah dan inisiatif perlulah diambil bagi membanteras perkara ini dari terus berlaku.

Menurut Prof Datuk Dr Mohd Ekhwan Toriman dalam kenyataannya di Astro Awani pada 2019, sebilangan besar sungai di bandar hilang keupayaan semula jadi untuk mengekalkan bekalan air bersih berpunca daripada aktiviti pembangunan yang pesat. Menurutnya lagi terdapat juga sungai yang berada dalam keadaan yang nazak. Hasil daripada segerombolan sampah termasuklah botol, plastik makanan dan tayar terpakai telah membentuk satu pulau kecil yang mengeluarkan bau yang busuk. Tidak lain dan tidak bukan, hasil penelitian telah membuktikan bahawa sikap manusia yang pentingkan diri dan memandang keuntungan diri semata-mata telah menjadi faktor utama dalam pencemaran tersebut. Walau bagaimanapun, beberapa langkah untuk mencegah aktiviti ini kerap dilakukan oleh penguatkuasa. Antaranya mengambil tindakan undang-undang terhadap pengusaha kilang yang gagal mematuhi undang-undang Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dan Akta Industri Perkhidmatan Air 2006. Mengikut Seksyen 34B, pesalah boleh dikenakan denda tidak melebihi RM 500,00 atau penjara tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya sekali (Abdullah, 2020). Namun, terdapat individu atau agensi yang tidak mengambil peduli tentang tindakan tersebut dan mereka masih melakukan kesalahan yang sama berulang kali. Akibatnya, masalah pencemaran air tidak akan bertemu dengan titik akhirnya, malah akan tetap muncul selari dengan kehidupan manusia.

Perilaku manusia mempengaruhi kualiti air dan kehidupan manusia sememangnya berkait rapat dengan sumber air. Sumber air adalah penting kerana mampu banyak memanfaatkan manusia sama ada dari aspek kesihatan, untuk kegunaan domestik dan perindustrian serta memudahkan perjalanan manusia dengan berfungsi sebagai sistem pengangkutan dan perhubungan di air. Sebagai tanda bersyukur kita kepada Sang Pencipta, kita harus menunjukkan nilai yang baik terhadap kurniaannya iaitu kewujudan kualiti sumber air yang bersih dengan sentiasa menjaga kebersihan dan tingkah-laku kita terhadap sumber air kita. Generasi yang beretika dan matang memang akan dapat melestarikan kualiti sumber air yang bersih.

6.0 METODOLOGI KAJIAN

Metodologi kajian bermaksud analisis teoritis mengenai kaedah yang sesuai untuk bidang pengajian dan prinsip tertentu kepada cabang pengetahuan. Oleh itu, terdapat beberapa cara untuk melaksanakan kajian etika terhadap pencemaran air di Malaysia. Kajian ini akan menggunakan cara soal selidik melalui Google form untuk mengumpulkan maklumat berkaitan dengan etika manusia terhadap pencemaran air. Kaedah penggunaan Google form untuk mengumpulkan hasil soal selidik bukan sahaja mampu menjimatkan wang dan masa, malah turut dapat mengumpulkan informasi dan pandangan responden tentang etika terhadap pencemaran air dengan senang. Semua soal selidik ini memang mampu memanfaatkan kajian kami.

PEMILIHAN SAMPEL :

Soal selidik ini mempunyai beberapa soalan tentang etika terhadap alam sekitar. Dengan ini, kumpulan kami akan mengambil sampel maklumat daripada orang awam, ibu bapa serta kawan-kawan. Tempoh masa untuk mengisi borang soal selidik adalah selama 7 hari dari 3 Januari 2021 hingga 9 Januari 2021. Soal selidik ini juga akan menjadi lebih tepat jika diisi oleh penduduk atau masyarakat yang menetap berdekatan kawasan sungai.

PEMBENTUKAN SOAL SELIDIK :


Kumpulan kami akan menyediakan beberapa soalan tentang etika terhadap alam sekitar. Kami akan membahagikan soalan-soalan ini kepada bahagian satu, bahagian dua dan bahagian tiga. Bahagian satu adalah berkaitan ciri-ciri demografik profil responden daripada orang awam. Bahagian dua adalah berkaitan dengan alam sekitar di kawasan tersebut dengan bertanyakan keadaan sungai di kawasan itu. Bahagian tiga adalah berkaitan dengan etika-etika individu dengan diberikan suatu situasi dan responden perlu menjawab soalan itu mengikut pendapat sendiri.

7.0 DAPATAN KAJIAN


i. Punca Dan Impak Pencemaran Air Di Malaysia.

Kajian ini melibatkan soal selidik, iaitu kaedah yang biasa digunakan untuk menjalankan kajian yang melibatkan dengan idea-idea, pengetahuan, dan pengalaman individu dan masyarakat dalam kehidupan mereka. Borang soal selidik dibahagikan kepada beberapa bahagian, iaitu jantina responden, umur responden, tempat tinggal responden berhampiran sungai, sama ada responden memerhatikan sungai, kadar pencemaran air di sungai kawasan responden, pendapat responden terhadap ada orang membuang sampah ke dalam sungai, laporan responden terhadap peristiwa orang membuang sampah ke dalam sungai, pendapat responden bahawa orang yang tiada etika merupakan punca pencemaran air, pendapat responden bahawa orang yang ada etika boleh menyelesaikan masalah alam sekitar, cara-cara lain yang boleh dijalankan untuk menyelesaikan masalah alam sekitar. 57 responden telah memberi respon sendiri dalam borang soal selidik ini.

ii. Analisis Responden :



Dalam bahagian jantina, 19 responden merupakan perempuan manakala 38 merupakan lelaki. Dalam bahagian umur, 21 responden berumur 11-20 tahun, 35 responden berumur 20-30 dan 1 berumur 40 ke atas.



Responden yang tinggal berhampiran sungai ialah 38, 4 responden tidak pasti manakala 15 responden tidak tinggal berhampiran sungai. Responden yang pernah memerhatikan keadaan sungai di kawasan sendiri ialah 28, 16 tidak dan 13 tidak pasti.



Kadar pencemaran air dibahagikan kepada 5 jawapan, iaitu 1,2,3,4 dan 5. Sebanyak 24 responden telah berasa kadar pencemaran air di kawasan mereka adalah 3. Kadar 1 pencemaran air di kawasan responden mempunyai 15 orang. Kadar 2 pencemaran air di kawasan responden mempunyai 15 orang. Kadar 4 pencemaran air di kawasan responden mempunyai 10 orang. Kadar 5 pencemaran air di kawasan responden mempunyai 3 orang. 51 Responden berpendapat bahawa ada orang membuang sampah ke dalam sungai manakala 6 responden tidak berpendapat begitu.



33 responden telah membuat laporan terhadap peristiwa orang membuang sampah ke dalam sungai kepada ketua kampung manakala 24 responden tidak berbuat begitu. Sebanyak 49 responden berpendapat bahawa orang yang tiada etika merupakan punca pencemaran air manakala 4 tidak pasti dengan pendapat ini dan 4 berpendapat tidak.



45 responden berpendapat bahawa orang yang beretika boleh menyelesaikan masalah alam sekitar manakala 8 tidak pasti dengan pendapat ini. 4 responden berpendapat bahawa orang yang beretika tidak boleh menyelesaikan masalah alam sekitar.

iii. Cadangan Atas Kaedah Mengatasi Krisis Air Yang Kini Berlaku Di Malaysia.

Beberapa cadangan telah diberi oleh responden untuk mengatasi krisis air yang kini berlaku di Malaysia. Antaranya termasuklah kerajaan mengajar masyarakat supaya membuang sampah ke tong sampah dan bukannya sumber air. Ada juga responden bercadang kerajaan untuk mengadakan kempen kesedaran untuk mengubah sikap masyarakat terhadap alam sekitar. Beberapa responden berpendapat sektor pendidikan perlu diberi perhatian kerana bertanggungjawab mendidik anak-anak muda untuk mencintai serta menjaga alam sekitar pada masa hadapan. Ada juga responden bercadang masyarakat bergotong-royong membersihkan sungai kawasan mereka. Ada juga responden bercadang supaya kerajaan menguatkuasakan undang-undang untuk menghukum sesiapa pihak yang mencemarkan sungai. Segelintir responden bercadang untuk menambah tong sampah di tempat awam supaya masyarakat tidak membuang sampah ke dalam sungai.

PERBINCANGAN : CABARAN DALAM PENGAMALAN ETIKA MEMELIHARA AIR SUNGAI

Kekurangan kesedaran tentang kepentingan sumber air merupakan salah satu cabaran yang agak besar kepada pengamalan etika memelihara sumber air. Hal ini disebabkan kebanyakan individu pada kini yang dapat menikmati pembekalan air bersih tidak sedar akan kesusahan dalam merawat air sungai supaya air itu boleh digunakan. Selagi mereka telah membayar yuran air, tanggungjawab mereka dalam menjaga kelestarian sumber air telah dilaksanakan dan perkara ini merupakan pemikiran yang dipegang oleh sesetengah individu. Masyarakat kini tidak peka terhadap peranan mereka yang sebenar dalam memastikan kebersihan air sungai terjamin dan menganggap tanggungjawab tersebut dipikul oleh pihak pengurusan sumber air semata-matanya. Mereka juga tidak tahu bahawa sebahagian besar keberkesanan proses rawatan air adalah bergantung pada kualiti sumber air mentah. Tambahan pula, individu tertentu percaya bahawa salah laku mereka seperti membuang sampah ke dalam sungai dan kesan salah laku itu adalah lebih kecil berbanding dengan industri yang melupuskan bahan buangan ke dalam sungai tanpa rawatan maka mereka menganggap tindakan tersebut tidak akan memberi kesan yang signifikan kepada sungai. Hakikatnya, etika memelihara air sungai menjadi susah untuk diamalkan oleh masyarakat disebabkan pemikiran yang dipegang itu telah menjadi salah laku mereka sebagai suatu norma baharu.

Sifat kesyukuran terhadap kurniaan seperti sumber air mentah daripada Tuhan yang semakin melenyap dalam diri masyarakat telah menyebabkan keruntuhan etika memelihara sumber air mentah. Individu-individu tertentu lebih cenderung kepada penghargaan terhadap perkembangan dalam teknologi rawatan air yang menghasilkan air yang bersih dan selamat untuk diguna. Lebih-lebih lagi, mereka mempunyai anggapan bahawa isu pencemaran air yang semakin serius merupakan masalah yang boleh ditangani melalui kemajuan dalam rawatan air. Hal ini secara tidak langsung menyebabkan mereka mengambil mudah salah laku yang mencemarkan air sungai. Realitinya, proses rawatan air mentah kini masih bergantung pada kualiti air mentah di mana pembekalan rawatan air akan dihentikan sekiranya didapati bahawa air mentah terlalu tercemar dan masa lebih panjang akan diperlukan demi proses rawatan air.

Tuhan telah mengurniakan air mentah yang sebenarnya boleh diguna secara langsung tetapi disebabkan kesilapan individu tertentu, air mentah yang kini tercemar perlu dirawat dahulu. Kenyataan ini masih belum difahami oleh individu yang lebih menghargai teknologi rawatan air di mana keperluan terhadap teknologi tersebut boleh dikurangkan sekiranya mereka sentiasa bersyukur dan memupuk etika memelihara sungai demi mengembalikan keadaan sungai yang bersih. Tegasnya, sifat kesyukuran terhadap kurniaan daripada Tuhan amat penting demi menanam etika memelihara air sungai dalam diri setiap individu.

Lazimnya, pihak berkuasa lebih menitikberatkan penguatkuasaan undang-undang demi mencegah kes pencemaran air dengan melebihi rondaan di kawasan sungai atau memberatkan hukuman terhadap sesiapa yang melakukan pencemaran air. Salah satu persoalan yang perlu diberi perhatian ialah etika seperti integriti dan tanggungjawab yang perlu ditanam dalam diri pegawai penguatkuasa. Integriti pegawai penguatkuasa amat penting untuk menjamin seorang pegawai penguatkuasa tidak tunduk kepada pesalah yang cuba merasuhi pegawai supaya tidak melaporkan salah lakunya. Malangnya, tiada jaminan kukuh yang dapat memastikan semua pegawai penguatkuasa adalah berintegriti dan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) kelihatan bersetuju dengan kenyataan ini memandangkan kebelakangan ini SPRM telah melaksanakan siasatan berhubung isu pencemaran Sungai Gong, Rawang. (Muhamad, 2020). Hal ini secara tidak langsung membuktikan bahawa kekurangan integriti memang menyumbang kepada kelonggaran dalam pencegahan kes pencemaran air dan komitmen pihak kerajaan dalam menangani isu ini melalui penglibatan SPRM perlu dipergiatkan lagi. Di samping itu, rayuan-rayuan daripada golongan pengguna juga telah mempersoalkan tanggungjawab pihak berkuasa dalam menjaga kelestarian sumber air. Hal ini disebabkan kes pencemaran hanya akan disiasat dan dilaporkan selepas berlakunya pencemaran air sehingga catuan air terpaksa dilaksanakan dan menjejaskan pengguna air. Dalam konteks ini, kelemahan pihak berkuasa dalam mencegah pencemaran air mulai fasa awal telah menunjukkan bahawa aktiviti rondaan di kawasan sungai tidak dilaksanakan secara sebaik mungkin. Sesungguhnya, tanggungjawab pihak berkuasa dalam memelihara sumber air dari peringkat awal lebih penting daripada tindakan yang diambil selepas berlakunya pencemaran air dalam persepsi pengguna air.

8.0 RUJUKAN

- Abdullah, R. (2020, September 17). *Adakah memadai hukuman denda kepada 'penjahanam' sungai?* Retrieved from Astro AWANI: <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/adakah-memadai-hukuman-denda-kepada-penjahanam-sungai-259475>
- Alias, A. (2019). Malaysia perlu laksana dasar perindustrian semula. Retrieved from <https://www.bharian.com.my/bisnes/lain-lain/2019/09/607837/malaysia-perlu-laksana-dasar-perindustrian-semula>
- Hairul. (2020, October 20). *Isu air di Selangor, bila nak selesai ?* Retrieved from BH Online: <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/10/743860/isu-air-di-selangor-bila-nak-selesai>
- Harian, S. (2019, September 23). *80 peratus sungai di bandar 'mati' akibat pencemaran.* Retrieved from Astro AWANI: <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/80-peratus-sungai-di-bandar-mati-akibat-pencemaran-218233>
- Hua, A. K. (2014). Potensi instrumen moral dalam melestarikan sumber air di Malaysia - Kajian kes Sungai Melaka. *GEOGRAFIA OnlineTM Malaysian Journal of Society and Space* 10 issue 5 (44- 55).
- Kollmuss, A. & Agyeman, J. 2002. Mind the gap: why do people act environmentally and what are the barriers to prp-environmental behavior? *Environmental Education Research* 8(3) 239-260.
- Muhamad, H. (2020). SPRM siasat jika ada unsur rasuah dalam pencemaran Sungai Gong. Retrieved from <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/sprm-siasat-jika-ada-unsur-rasuah-dalam-pencemaran-sungai-gong-258528> .